

# 'Karat' buah nangka

**M**ASALAH pemerangan atau "karat" pada buah nangka menyebabkan hasil pulangan tuaian buah nangka di negara ini menurun.

Ia kerana pembeli tidak mahu membeli buah yang berpenyakit menyebabkan buah nangka tidak mendapat pasaran yang menggalakkan. Masalah pemerangan ini banyak terjadi pada buah nangka madu J33.

Meskipun permintaan terhadap buah nangka madu untuk pasaran tempatan dan luar negara adalah tinggi kerana rasanya yang sedap dan manis, namun, pemerangan pada buah nangka ini mengurangkan hasil tuaian sebanyak 30 peratus setiap tahun.

Khasiat buah nangka termasuk membantu dalam penurunan tekanan darah dan meningkatkanedaran darah dalam badan.

Ia juga kaya dengan vitamin A dan C (antioksidan) yang membantu menguatkan sistem daya tahan badan terhadap serangan penyakit, selain memelihara kesihatan mata dan kulit.

Dalam usaha mengatasi masalah pemerangan, sebuah syarikat yang mengusahakan ladang nangka, KMT Group, mendapatkan khidmat bantuan penyelidik Univerisiti Putra Malaysia (UPM) yang meninjau serta mengambil beberapa sampel buah, daun, kulit pokok dan tanah untuk dianalisis.

**Dr. Mohd. Termizi Yusof, Dr. Dzarifah Zulperi, Dr. Siti Izera Ismail, Dr. Daljit Singh Karam dan Dr. Mohd. Hakiman Mansor** mengadakan lawatan sehari dan meninjau keadaan ladang nangka itu baru-baru ini.

Pakar mikrobiologi dari Jabatan Mikrobiologi, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, UPM, Dr. Mohd Termizi, berkata, apa yang dilihat ialah setiap pokok mempunyai masalah serangan penyakit yang berbeza iaitu pemerangan dan kulat.

Katanya, sampel yang diambil akan dianalisis bagi mengetahui punca penyakit, seterusnya mengambil langkah mitigasi bagi mengurangkan penyebaran penyakit ke pokok-pokok yang sihat.

"Salah satu langkah bagi membendung atau mengurangkan serangan penyakit adalah dengan melakukan penanaman campuran.

"Sanitari di kawasan ladang sebelum penanaman perlu dilakukan kerana kita tidak mengetahui vektor penyakit yang terdapat di dalam tanah mahupun persekitaran," katanya.

Pakar patologi tumbuhan dari Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, UPM, Dr. Dzarifah pula berkata, peralatan untuk penanaman, pembajaan dan penuaian juga perlu dipastikan sentiasa dalam keadaan bersih sebelum dan selepas digunakan kerana penyakit itu juga merebak melalui peralatan penanaman.

"Setakat ini, hipotesis kami adalah simptom pemerangan ini bermula selepas pembungaan wujud. Pemerangan ini juga disebabkan oleh jangkitan bakteria *Pantoeastewartii* yang memberi kesan langsung dengan mengubah keadaan dan kualiti nangka.

"Kami mengambil beberapa



sampel buah yang mempunyai kadar umur berbeza untuk dianalisis," katanya.

Sementara itu Pengurus Besar KMT Group, **Ng Swee Pen** berkata, masalah serangan penyakit itu bukan baharu di ladang itu, dan pihaknya sentiasa memantau kualiti pengeluaran buah-buahan dari ladang.

"Cuma sekarang, kami berdepan dengan serangan simptom pemerangan ini yang menyebabkan buah-buahan tersebut tidak dapat dijual".

Pengarah Pembangunan Perniagaan KMT Group, **Dr. Lee Kok Loong** pula berkata, selain juga mendapatkan khidmat bantuan penyelidik UPM, pihaknya juga menggunakan pelbagai kaedah penanaman yang bersesuaian, termasuk dalam sistem sanitari ladang dan juga peralatan yang digunakan.

Orang ramai yang mahu mendapatkan maklumat mengenai penyakit buah-buahan tempatan boleh menghubungi Fakulti Pertanian, UPM di talian 03-89474801 atau e-mel kepada [dean@agri.upm.my](mailto:dean@agri.upm.my).



**KUMPULAN** penyelidik sedang melakukan kerja-kerja pengambilan sampel.